

Silat: Badan2 budaya diseru sertai jk penasihat Majlis Sukan

-2 JAN 1975

BADAN - BADAN Budaya Melayu, samada yang sudah atau belum mendaftarkan kegiatan Silatnya haruslah melibatkan diri dalam jawatankuasa Penasihat Sementara Silat yang ditubuhkan oleh Majlis Sukan Singapura.

Kerana ini akan dapat menjamin masadepan seni mempertahankan diri Melayu supaya tarafnya dapat terus dipertinggi dan seni itu dapat terus diperkembangkan.

Pendapat ini telah disuarakan oleh beberapa orang pemimpin pertubuhan silat Melayu bila mengulas tentang penglibatan badan-badan Silat dalam jawatankuasa itu, yang dibentuk berikutan dengan pelaksanaan Akta Seni Mempertahankan Diri September lepas.

Seorang jurucakap Perkumpulan Anak-Anak Sandiwaru Angkatan Kesenian (PASAK), yang mempunyai sebuah seksi Silat berkata:

"Penglibatan semua badan budaya Melayu dalam jawatankuasa ini memanglah penting untuk menyatukan tenaga bagi memperkembangkan lagi seni Silat.

"Ini adalah ^{(2) p85} untuk terus menjaminkan bahawa seni mempertahankan diri Melayu akan tetap subur seperti seni-seni memer tahankan diri yang lain."

Seorang lagi pegawai sebuah pertubuhan menyatakan bahawa penglibatan dengan jawatankuasa yang kemudiannya menjadi badan pengawal Silat, haruslah dari semua badan, tidak kira samada telah mendaftarkan atau telah membubarkan kumpulan seni silatnya.

Kegiatan

"Ini adalah kerana mungkin pada satu ketika nanti badan-badan yang telah tidak mendaftarkan kegiatan silatnya dan telah membubarkan kegiatan itu, mungkin mahu mengadakan-nya semula bila seni itu semakin dipopularkan oleh badan-badan yang ada," katanya.

Peri pentingnya penglibatan badan-badan Melayu dalam jawatankuasa itu telah disuarakan juga oleh Presiden PERWANIT, Encik Ismason Haji Ali dalam majlis silaturrahim persatuannya minggu lalu.

Menurutnya penyertaan ramai dari badan-badan itu akan dapat mempertingkatkan lagi mutu seni silat ke taraf yang lebih sempurna agar terus dapat berkembang dengan luas.

"Semoga jawatankuasa penasihat itu akan dapat membela nasib badan-badan yang menjalankan kegiatan itu dan dengan itu akan dapat meuas dan meninggikan lagi taraf seni silat kita," katanya.

Adalah difahamkan sebelum pembentukan itu,

Majlis Sukan Singapura telah mengundang kira-kira 12 buah badan Melayu dalam usaha membentuk sebuah badan pengawalsilat berikutan dengan pelaksanaan undang-undang baru seni mempertahankan diri.

Bagaimanapun, hanya separuh dari jumlah badan-badan yang dihubungi itu yang memberikan sambutan untuk duduk menjadi anggota jawatankuasa penasihat sementara, menjelang pembentukan badan itu.

Anggota - anggota jawatankuasa itu adalah terdiri dari wakil-wakil Majlis Sukan, Persatuan Rakyat, PERPENIS, PERWANIT, PASAK dan Persatuan Bawean Singapura.

Badan-badan lain yang telah tidak menyahut menjadi anggota, sebahagian besarnya terdiri dari badan-badan yang telah membubarkan seksi silatnya kerana tidak mampu membayar yuran pendaftaran di bawah undang-undang baru itu.

Mereka difahamkan merasakan tidak perlu melibatkan diri dengan jawatankuasa itu sedangkan mereka tidak lagi giat dalam seni Silat Melayu.

Mengikut Undang-Undang, sebuah pertubuhan seni mempertahankan diri diwajibkan membayar \$50, manakala guru sebanyak \$100 dan pelatih sebanyak \$5 setahun.

Mereka yang gagal mendaftarkan diri boleh didenda \$2,000 dan penjara enam bulan.

Silat Lincah M'sia hendak lawat negara2 Asean

KUALA LUMPUR, 3 JAN 1975 Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Rais Yatim, men-sifatkan rombongan Silat Lincah Malaysia melawat negara-negara ASEAN sebagai duta budaya dan sukan negeri ini.

Serentak dengan itu, Encik Rais menyeru mahaguru-mahaguru silat Melayu supaya menyahut seruan membentuk Majlis Silat Kebangsaan untuk meninggikan mutu silat Melayu sendiri.

Encik Rais memberitahu Berita Harian, langkah tersebut perlu dijalankan segera kerana perkembangan silat sekarang memasuki bentuk baru yang lebih serius dan tidak lagi sebagai alat untuk menyembah pengantin atau merai-kan majlis-majlis saja.

Gesaan tersebut dibuatnya sebagai ekoran dari sebuah rencana yang disiarkan oleh akhbar ini bulan lalu.

Rencana itu men-gecyorkan diben-tuk sebuah Majlis Silat Kebangsaan yang akan dapat menyatukan pergerakan silat di seluruh nega-

ra tanpa menyen-tuh identiti silat itu sendiri.

Sehingga ini, beberapa orang mahaguru silat telah mengalu-alukan lang-kaah tersebut. Antaranya ialah mahaguru silat Ka-limah Malaysia, Encik Yahya Said dan Encik Omar Din, mahaguru Si-lat Lincah Malaysia.

Mengenai lawatan rom-bongan Lincah Malaysia ke negara-negara ASEAN, Encik Rais berkata: "Lawatan ini penting un-tuk memperkenalkan si-lat melayu."

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Encik Omar Din sendiri. Sementara anggotanya, Encik Di-man Hassan, Encik Adam Hamid dan Encik Ham-zah Nor.

Mereka akan melawat Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina.

Semasa di sana, rom-bongan tersebut akan ber-runding dengan persatuan-persatuan silat di-samping mengundang anggota silat di negara tersebut mengadakan per-tunjukan mereka di sini Februari depan.

Pertunjukan tersebut akan diadakan berse-m-pena dengan pertand-ingan silat kebangsaan di Stadium Negara.